

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT Kempen “CIMB e Credit Card iflix Campaign”

1. Kempen “CIMB e Credit Card iflix Campaign (“**Kempen**”) adalah anjuran CIMB Bank Berhad [No Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] (“**CIMB Bank**”) dan iflix Sdn. Bhd. [No Pendaftaran: 201401028279 (1104365-A)] (“**iflix**”).

Tempoh Kempen

2. Kempen akan bermula dari 19 Jun 2020 hingga 30 September 2020, termasuk kedua-dua tarikh f
3. CIMB berhak memberikan notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada pemegang kad kredit utama CIMB Bank yang:
 - (a) memohon kad kredit CIMB e yang dikeluarkan oleh CIMB Bank di Malaysia sepanjang Tempoh Kempen; dan
 - (b) pelanggan sedia ada atau pelanggan baru iflix (“Peserta Yang Layak”). Kad kredit CIMB e Platinum yang dimiliki oleh Peserta Yang Layak adalah secara kolektif dirujuk sebagai “Kad Kredit yang Layak”.
5. Kempen ini hanya terbuka kepada pemegang Kad Kredit CIMB e dan tidak terpakai untuk pemegang kad kredit CIMB yang lain. Hanya pemegang kredit kad utama bagi Peserta yang Layak (dan bukan pemegang kad tambahan) akan layak untuk menyertai Kempen ini.

Syarat-syarat dan Mekanik Kempen

6. Peserta yang Layak akan menerima satu (1) kali penebusan bagi tiga (3) bulan langganan VIP iflix percuma (“Hadiah Cenderahati”) tertakluk kepada Kriteria Kelayakan seperti berikut:
 - (a) Peserta Yang Layak harus menyerahkan permohonan bagi Kad Kredit yang Layak dalam Tempoh Kempen dan permohonan tersebut mesti diluluskan selewat-lewatnya pada 30 September 2020;
 - (b) Peserta yang Layak harus membuat satu (1) perbelanjaan runcit menggunakan Kad Kredit yang Layak (seperti yang dinyatakan di Klausa 7) dalam apa-apa nilai; dan
 - (c) Peserta yang Layak yang bukan pengguna CIMB Clicks dan CIMB Clicks App harus mendaftar CIMB Clicks dan muat-turun Aplikasi CIMB Clicks dalam tempoh enam-puluh

(60) hari Tarikh Kelulusan Kad. Untuk mengelakkan keraguan, Kriteria Kelayakan ini tidak boleh diguna pakai oleh Peserta Yang Layak yang merupakan pengguna CIMB Clicks and Aplikasi CIMB Clicks.

“Tarikh Kelulusan Kad” bermaksud tarikh seperti mana yang dinyatakan di dalam lampiran kad yang dihantarkan bersama dengan kad kredit CIMB Bank kepada pemohon.

7. Perbelanjaan runcit bagi Kempen ini termasuk perbelanjaan runcit dalam dan/atau luar negara yang dicajkan pada kad kredit Peserta Yang Layak pada sebarang dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Kelulusan Kad (“Transaksi Layak”).
8. Bagi mengelakkan keraguan, transaksi-transaksi berikut juga dinyatakan secara nyata tidak termasuk dan tidak harus dianggap sebagai “Transaksi Layak”:-
 - (a) Transaksi Kuasi Tunai – (contohnya: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
 - (b) Ansuran bulanan di bawah sebarang kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB atau mana-mana institusi kewangan atau pindahan dana daripada Institusi Kewangan lain;
 - (c) Bayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau sebarang fi, caj atau penalti sama ada yang dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
 - (d) Transaksi pendahuluan tunai/pengeluaran/deposit tunai; dan
 - (e) Transaksi Layak yang kemudiannya dibatalkan atau dikembalikan, atau sebarang transaksi-transaksi lain yang dipertikaikan, tidak dibenarkan atau penipuan.

Penentuan CIMB tentang apa yang merupakan Transaksi Layak adalah konklusif melainkan yang sama menjadi tidak adil.

Hadiah Cenderahati

9. Hadiah Cenderahati akan diberikan dalam bentuk baucar digital (“E Voucher”) kepada Peserta Yang Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan dalam tujuh (7) hari bekerja.
10. Peserta Yang Layak dikehendaki untuk menghidupkan/mengaktifkan notifikasi CIMB Clicks Messenger untuk diberitahu dan menerima E Voucher dalam Aplikasi CIMB Clicks. Sebagai alternatif, E Voucher tersebut juga boleh diperolehi dari CIMB Insights yang merupakan sebahagian daripada Aplikasi CIMB Clicks.
11. Setiap Peserta Yang Layak berhak untuk menerima satu (1) E Voucher sepanjang Tempoh Kempen berdasarkan “ first come first served”, tertakluk kepada had maksimum dua puluh ribu (20,000) E Voucher.
12. Akaun Kad Kredit Layak bagi Peserta Yang Layak mesti sah dan mesti berada dalam kedudukan yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB Bank mengikut budi bicaranya untuk layak menyertai semasa dan selepas Kempen dan/atau untuk memenangi Hadiah Cenderahati. Jika, pada

bila-bila masa semasa Tempoh Kempen, Peserta Yang Layak membatalkan kad kredit atas apa jua sebab, penyertaannya dalam Kempen menjadi batal dan tidak sah dengan serta merta.

13. Tempoh penebusan bagi E Voucher bermula dari 19 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2020 (“Tempoh Penebusan”). E Voucher yang tidak digunakan akan dilucut hak bermula dari 1 Januari 2021, dan tidak lagi sah untuk penebusan.
14. Peserta Yang Layak boleh menebus E Voucher dalam Tempoh Penebusan dengan:
 - (a) Melayari laman web www.iflix.com; dan
 - (b) Semasa mendaftar atau mendaftar masuk akaun, masukkan kod E Voucher pada “Redeem Voucher” untuk penebusan.
15. E Voucher tidak boleh ditukar kepada tunai dan tiada penggantian atau pemulangan wang jika berlaku sebarang kehilangan atau kecurian.
16. Peserta Yang Layak hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB Bank. Pemberitahuan oleh CIMB Bank akan berdasarkan nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat Peserta Yang Layak di Malaysia yang dikekalkan dengan CIMB Bank.
17. CIMB Bank tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Tawaran Pulangan Tunai dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara sekalipun berkenaan dengan kegagalan teknikal atau apa jua bentuk, apa-apa campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Kad Kredit Yang Layak melainkan ia adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB Bank.
18. CIMB Bank tidak menerima apa-apa tanggungjawab bagi apa-apa implikasi percukaian yang boleh timbul daripada E Voucher atau penggunaannya. Apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan E Voucher akan kekal menjadi tanggungjawab tunggal Peserta Yang Layak. Ia adalah tanggungjawab setiap Peserta Yang Layak untuk mendapatkan nasihat bebas berkenaan dengan implikasi berpotensi yang mungkin wujud ke atas keadaan kewangan beliau.

Terma-terma dan Syarat-syarat Umum

19. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dianggap telah :
 - (a) membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma & Syarat-Syarat ini ;
 - (b) memberi persetujuan kepada CIMB Bank untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di www.cimb.com.my;
 - (c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB Bank berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Tawaran Pulangan Tunai yang

diberikan dan penentuan Peserta Yang Layak, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif; dan

- (d) bersetuju bahawa CIMB Bank tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak sekiranya CIMB Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajibannya di sini, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh sebab:
- (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB Bank; atau
 - (v) akibat daripada apa-apa faktor dalam bentuk *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB Bank.

20. Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau E Voucher akan ditarik balik sekiranya, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan E Voucher:

- (a) Kad kredit CIMB e milik Peserta Yang Layak telah melanggar terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal kad kredit CIMB e;
- (b) Kad kredit Yang Layak telah ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa ikatan, perintah bertentangan yang dikenakan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktirafkan oleh undang-undang; atau
- (c) Kad kredit Yang Layak adalah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Yang Layak atau CIMB Bank. .

21. CIMB Bank menyimpan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang ia tentukan:

- (a) mengganggu proses penyertaan; dan/atau
- (b) bertindak memungkir atau berpotensi memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

22. CIMB Bank menyimpan hak untuk:

- (a) menggantikan E Voucher dengan mana-mana barangan yang mempunyai kos setara; dan/atau
- (b) melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan kempen ini.

dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada Peserta Yang Layak melalui:

- (i) paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Bank; dan/atau
- (ii) cawangan-cawangan CIMB Bank; dan/atau
- (iii) melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB Bank.

Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB Bank tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Yang Layak atau mana-mana jua orang lain kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB Bank bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.

23. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) yang timbul daripada:

- (a) penyertaan atau bukan penyertaan Peserta Yang Layak di dalam Kempen ini; dan/atau
- (b) kegagalan untuk menerima atau kelewatan dalam menerima Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) oleh Peserta Yang Layak

melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau dan keingkaran sengaja CIMB Bank.

24. (a) CIMB Bank menyimpan hak untuk meminda (sama ada penambahan, pepadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) (“**Pindaan**”) mana-mana terma-terma dan syarat-syarat di sini dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Yang Layak melalui:

- (i) paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Bank; dan/atau
- (ii) cawangan-cawangan CIMB Bank; dan/atau
- (iii) melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB Bank; dan/atau
- (iv) melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB Bank.

(b) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Yang Layak dari tarikh notifikasi tersebut atau dari tarikh lain seperti yang boleh dinyatakan oleh CIMB Bank dalam notifikasi.

(c) Peserta Yang Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Bank pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

25. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Peserta Yang Layak bagi sebarang kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung hasil daripada Pindaan.

26. Peserta yang Layak akan menanggung rugi sepenuhnya dan memelihara CIMB Bank dari menanggung apa-apa bayaran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB Bank disebabkan oleh:

- a) penyertaan Peserta yang Layak dalam Kempen; dan/atau
- b) penerimaan, penebusan atau penggunaan E Voucher oleh Peserta yang Layak.

27. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:

- a) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
- b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Kad Kredit CIMB Bank semasa yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.

28. Terma-terma dan Syarat-syarat ini tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana perbadanan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB Bank berhubung dengan atau yang terpakai bagi Kempen atau apa-apa perkara yang terkandung di sini.

29. a) Pemegang Kad Yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Bank untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen melalui alamat, nombor telefon dan e-mel:

Alamat: : CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

Nombor Telefon: 603 6204 7788

Alamat E-mel: cru@cimb.com

b) CIMB Bank boleh mengubah butir-butir perhubungan di atas dengan memberitahu Peserta Yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB Bank atau dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang ditentukan oleh CIMB Bank..